

14/12/2000

2,500 pelajar IPT berbuka bersama PM

PUTRAJAYA, Rabu - Kira-kira 2,500 pelajar mewakili semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan hari ini berbuka puasa bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Masjid Putra di sini.

Perdana Menteri bersama jemaah lain kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih di masjid berkenaan selain majlis tahlil dan doa selamat. Majlis anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) kemudian diikuti jamuan malam.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Ketua Penasihat GPMS dan isteri, Datin Seri Hendon Mahmood serta Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta beberapa tokoh korporat termasuk Presiden Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin.

Sementara itu, Suhaimi berkata, majlis itu pada mulanya membuat jemputan untuk 1,000 anggota GPMS iaitu pelajar dan pensyarah IPT seluruh negara, tetapi lebih 2,000 orang hadir kerana mahu berbuka puasa bersama Dr Mahathir.

Katanya, sebahagian besar pelajar yang hadir itu adalah mereka yang menerima latihan kepemimpinan GPMS.

(END)